



LAPORAN LIPUTAN MEDIA AHAD / 25 FEBRUARI 2018

- 1. 'TAK JANJI BULAN BINTANG'**
 - **SINAR HARIAN**

- 2. PROMOSI AGENDA PEMBANGUNAN NEGERI**
 - **SINAR HARIAN**

- 3. HASIL LAUT LEBIH MURAH**
 - **SINAR HARIAN**

- 4. NELAYAN PERLU HARGAI BANTUAN KERAJAAN**
 - **SINAR HARIAN**

- 5. BIGGEST EXPO IN KEDAH OPENS**
 - **NEW STRAITS TIMES**

**DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**

'Tak janji bulan bintang'

Kerajaan Kedah pimpinan BN sedia khidmat terbaik kepada rakyat

GOKINA MORGANAN

ALOR SETAR

Dasaryang diperkenalkan Kerajaan Kedah di bawah kepimpinan BN adalah praktikal dan mudah dilaksanakan.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah berkata, kerajaan negeri di bawah pemerintahannya tidak menjanjikan bulan dan bintang (sesuatu mustahil untuk dilakukan).

"Menerusi Ekspo

Muafakat Kedah 2018 ini rakyat boleh melihat sendiri rangkuman pencapaian dan kejayaan Kedah di bawah kemudi Kerajaan BN sepanjang dekad lalu hinggalah ke era masa kini.

"Kerajaan sedia mengutamakan 'agenda peduli rakyat,' katanya pada Ekspo Muafakat Kedah 2018, di perkarangan Stadium Darul Aman, di sini, semalam.

Hadir merasmikan majlis, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Belliau berkata, visi kerajaan adalah sedaya mungkin memberi khidmat terbaik kepada rakyat.

"Aspirasi masyarakat di bumi Darul Aman kita layani. Kehendak komuniti kita penuhi.

"Inilah objektif kita (kerajaan negeri) untuk mem-



Ahmad Bashah bersama barisan kepimpinannya bergambar dengan Ahmad Zahid dan juga bersama pengunjung ke Ekspo Muafakat Kedah 2018.

pelbagaikan asas ekonomi negeri agar 'dapat duduk sama rendah, dan berdiri sama tinggi' dengan negeri lain," katanya.

Justeru, Ahmad Bashah

berkata, satu ruang 'Keluarga besar Muafakat Kedah' akan dihipunkan menerusi Ekspo Muafakat Kedah untuk rakyat negeri melihat secara nyata pelbagai pakej bantuan,

perkhidmatan, insentif, khidmat nasihat dan peluang kerajaan negeri sediakan.

"Saya yakin hampir setengah juta pengunjung dapat berkunjung ke ekspo yang

info • Sasar 1.5 juta pengunjung ke Ekspo Muafakat Kedah

berlangsung sehingga 3 Mac ini.

"Paparannya 20 kluster dalam ekspo ini adalah manifestasi banyaknya peluang yang dapat digarap di bumi Jelapang Padi.

"Pihak kerajaan juga berharap dengan 20 kluster dipamerkan, 119 agensi dan jabatan mengambil bahagian, 15 acara utama dan 119 acara sampingan disajikan dalam ekspo ini dapat membantu pengunjung meneroka ilmu dari segi pembangunan teknologi, pertanian, pembangunan, ekonomi, sosial serta dapat beriadah melalui acara sampingan," katanya.

REAKSI



Ekspo Muafakat Kedah yang diadakan sangat menarik. Menerusi expo ini, sebagai rakyat Kedah saya berpeluang untuk mengetahui apakah perancangan dan pembangunan kerajaan negeri untuk masa depan rakyat negeri ini.
- Chong Chow Liew, 32, Alor Setar



Pelbagai aktiviti bersesuaian mengikut umur turut diadakan antara pameran robotik yang lebih kepada anak-anak muda. Ada juga informasi mengenai tempat pelancongan yang menarik di negeri turut menarik perhatian.
- K Indrani, 51, Alor Setar

Ekspo Muafakat Kedah 2018 sasar 400,000 pengunjung

GOKINA MORGANAN

ALOR SETAR

Rakyat Kedah diharap tidak melepaskan peluang hadir ke Ekspo Muafakat Kedah yang julung kali diadakan di Stadium Darul Aman.

Ekspo yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, bermula semalam hingga 3 Mac itu menyasarkan 400,000 pengunjung.

Kira-kira 119 jabatan kerajaan dan swasta terlibat dalam expo itu dan diletakkan dalam 20 kelompok kluster mengikut kesesuaian sistem penyampaian jabatan, sama ada dalam bentuk pameran, khidmat nasihat, penerangan dan bantuan secara langsung.

Antara kluster ditetapkan ialah Pameran Diraja, Barakah Kedah, Suara Hati Kedah, Eko Kedah dan Kedah Holistik.

Ekspo itu merupakan platform untuk kerajaan mempromosi agenda pembangunan yang dilaksanakan kepada rakyat.

Melalui expo tersebut, semua



Promosi agenda pembangunan negeri

jabatan dan agensi akan digembeng kerjasama menerusi satu bumbung melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Pengunjung bukan sahaja dapat menikmati pelbagai tawaran, informasi dan maklumat bahkan berpeluang memenangi pelbagai cabutan bertuah yang ditawarkan seperti rumah, kereta dan dua motosikal termasuk wang tunai.

info **Aktiviti menarik hari ini**
● Job Fair (dewan serbaguna)

● Demonstrasi cara berdepan binatang liar

● Demonstrasi menanam benih pokok

● Sesi bersama Angkasawan pertama Malaysia, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor

● Persembahan artis seperti Kugiran Masdo, Hael Husaini, Bagio Damasutra).



Kalangan belia tidak ketinggalan mengunjungi Ekspo Muafakat Kedah.



Ahmad Zahid melancarkan Ekspo Muafakat Kedah 2018 bersama dengan barisan kepimpinan BN Kedah.



Antara model pembangunan hartanah yang sedang dilaksanakan di Kedah.



Ahmad Zahid beramah mesra dengan orang Kedah yang mempamerkan hasil anyaman.

Nelayan perlu hargai bantuan kerajaan

BALIK PULAU - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pulau Pinang mengingatkan golongan nelayan supaya menghargai setiap bantuan dan kemudahan yang berikan oleh kerajaan pada setiap bulan.

Timbalan Pengarahnya, Mohd Fauzi Ghazali berkata, perkara itu kerana ada segelintir nelayan yang didapati menyalahgunakan bantuan dan kemudahan yang diberikan untuk perkara yang tidak dibenarkan.

"Besarnya harapan kami supaya para nelayan dapat memanfaatkan sebarang bentuk bantuan yang telah diberikan.

"Kita nak para nelayan ini lebih menghargai dan peka dengan kemudahan serta bantuan yang diberikan kerajaan, terutama dari segi subsidi diesel dan petrol," katanya.

Beliau berkata demikian pada ucapan semasa Majlis Penyampaian Elaun Sara Hidup Nelayan Persatuan Nelayan Kawasan Telok Bahang di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Telok Bahang, di sini,



Mohd Fauzi ketika menyampaikan ucapan, semalam.

semalam.

Menurutnya, hasil maklumat yang diterima ada segelintir nelayan yang tidak mengambil berat mengenai bantuan dan kemudahan yang telah disediakan.

"Kita harap nelayan yang terima elaun sara hidup dan mendapat subsidi daripada kerajaan supaya menggunakan pada perkara yang betul kerana ada yang menjual minyak subsidi kepada pihak yang tidak sepatutnya.

"Seperti biasa, para nelayan juga terikat dengan proses pemutihan pada setiap

tahun. Kita akan buat siasatan, permohonan baru dan pembaharuan elaun sara hidup," katanya.

Pada majlis itu, seramai 390 nelayan kawasan Telok Bahang menerima elaun sara hidup sebanyak RM300 bagi kategori Zon A dan RM250 bagi nelayan kategori Zon B.

Mohd Fauzi berkata, sepanjang 2017, sebanyak RM11.8 juta telah dibelanjakan untuk semua nelayan di Pulau Pinang. Manakala di kawasan Telok Bahang saja, sebanyak RM1.4 juta telah diagihkan.

Hasil laut lebih murah

Pasar Perikanan bantu ringankan beban rakyat

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Jabatan Perikanan Negeri Terengganu memperkenalkan dan mewujudkan ruang niaga dipanggil Pasar Perikanan di Pantai Teluk Mak Nik, di sini, yang menawarkan harga ikan dan hasil laut sebanyak 20 peratus lebih murah dari harga pasaran.

Pengarahnya, Zawawi Ali berkata, konsep jualan di Pasar Perikanan itu ialah jualan secara terus dari kolam, ladang atau laut sekaligus membolehkan pengguna membeli ikan air tawar, ikan segar dari laut dan pelbagai hasil laut pada harga yang jauh lebih rendah. Misalnya, ikan air tawar jenis tilapia dijual pada harga hanya RM12 berbanding RM15 sekilogram di pasar tani.

Katanya, pasar berkenaan menjadi medan pertemuan antara nelayan dan pengusaha projek ternakan ikan air tawar dengan pengguna.

"Ini merupakan salah satu usaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Jabatan Perikanan Negeri Terengganu untuk membantu rakyat kerana ia menjadikan harga ikan lebih murah.

"Ikan-ikan yang dijual juga adalah ikan yang berkualiti. Misalnya bagi ikan air tawar yang dijual kita jamin ia tiada beza dengan ikan laut dari segi rasanya yang sedap," katanya pada pembukaan pertama kali pasar itu, baru-baru ini.

Pasar yang dibuka dengan kerjasama Pejabat Parlimen Kemaman itu menyaksikan seramai 14 orang pengusaha ter-



Zawawi (dua, kanan) dan Mohd Hisham (kanan) bersama pengusaha projek ikan sangkar menunjukkan ikan air tawar segar yang dijual di Pasar Perikanan.

masuk termasuk pemborong bawang mengambil bahagian.

Kata Zawawi, nadi penggerak utama kepada pasar itu adalah pengusaha ikan air tawar dari kolam Ban Ho, Cerul di Kemaman dan pengusaha projek akuakultur dari Tasik Kenyir di Hulu Terengganu manakala ikan laut yang dijual pula adalah dari laut Kemaman sendiri.

"Asasnya apa yang dijual di sini adalah 80 peratus produk perikanan bahkan penjual ikan laga juga turut mengambil bahagian," katanya.

Bakal dirasmikan Mac ini

Mengulas lanjut, beliau berkata, pembukaan pasar itu juga me-

rupakan satu percubaan dan melihat kepada sambutan hangat yang diberikan orang ramai, pihakrya akan mengadakan perasmian pasar itu.

Jelasnya, perasmian pasar itu dijangka akan disempurnakan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang juga Ahli Parlimen Kemaman, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek pada 10 Mac depan.

"Lepas ini kita rancang untuk namakan tapak ruang niaga ini sebagai Dataran Perikanan dan ikut perancangan kita, Pasar Perikanan akan beroperasi pada minggu pertama setiap bulan," katanya.

Tambahnya, pihakrya bercadang untuk memperluaskannya ke setiap daerah di seluruh negeri ini.

Zawawi berkata, meskipun pihak jabatannya merintis kewujudan pasar itu namun mereka tidak terpesong daripada peranan sebenar untuk membangunkan bidang perikanan.

"Kita tak lari dari tanggungjawab sebenar kerana kita cuma perkenalkan saja pasar ini dan pengusaha-pengusaha rebut peluang ini untuk jual ikan mereka secara terus kepada pengguna. Usaha kita untuk membantu orang ramai melibatkan isu kos sara hidup ketika ini," katanya.

• 20 peratus lebih murah dari pasaran

• Merupakan usaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Jabatan Perikanan Negeri Terengganu

• Bakal diperluas ke setiap daerah

300kg ikan terjual

Dalam pada itu, dek harga murah yang ditawarkan kira-kira 100 kilogram ikan segar dan 200 kilogram ikan sejuk beku (Q-Fish) habis terjual dalam tempoh tidak sampai sejam.

Pegawai Khas kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Mohd Hisham Zubir berkata, sambutan yang diberikan orang ramai terhadap pasar itu cukup luar biasa.

"Untuk hidupkan lagi tapak Pasar Perikanan ini, bermacam-macam tarikan baharu akan diperkenalkan seperti pembukaan car boot sale dan turut disediakan permainan menarik.

"Kita harap orang ramai juga tidak melepaskan peluang untuk datang berbelanja di pasar ini kerana ia menawarkan penjimatan yang sangat berbaloi," katanya.

Dalam pada itu, Othman Hashim, 54, dari Geliga berkata, penjimatan kira-kira 20 peratus yang diperolehnya selepas berbelanja di Pasar Perikanan berkenaan membantu mengurangkan kos perbelanjaan harian keluarganya.

"Diharap selepas ini lebih ramai pengusaha atau peniaga akan turut sama buka gerai kerana ia beri lebih banyak pilihan kepada pembeli," katanya.

Suri rumah dari Chukai, Nariah Mohamed, 42, pula berkata, usaha Jabatan Perikanan Negeri menghimpunkan pengusaha projek ikan air tawar dan nelayan serta peniaga-peniaga di satu tempat adalah satu langkah bijak.

Pengusaha projek akuakultur dari Tasik Kenyir turut membawa kolam mini bagi memastikan ikan air tawar yang dijual masih dalam keadaan hidup.



Demonstrasi baik pulih onjin sangkut turut diadakan sempena Pasar Perikanan.



Pasar Perikanan turut membuka peluang kepada penjual ikan laga untuk menjual terus ikan hiasan itu kepada pembeli.

ACHIEVEMENTS BY KEDAH

BIGGEST EXPO IN KEDAH OPENS

Eight-day event attracts 10,000 visitors in first three hours

ALOR STAR

EKSPO Muafakat Kedah, the biggest exposition ever held by the state government, kicked off on a high note with more than 10,000 visitors in just three hours after its official opening yesterday.

With 20 exhibition clusters involving 199 government agencies, the eight-day event, which runs until March 3, offered various attractions.

The exposition showcased many achievements by the Barisan Nasional state government and the masterplans in store for the next five years.

Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah said the event was expected to attract almost half a million visitors.

He said visitors could see for themselves the milestones of the state's development in the past decade at the exhibition clusters involving federal and state government agencies.

"It also shows that our policies are practical and achievable, easy to implement and produce fast results. The exposition showcases that we are providing the best services to meet the aspirations of the people and also our agenda to diversify the state economy."

Bashah said this at the opening ceremony officiated by Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Bashah said Kedah had recorded many achievements, including



Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi at the opening of Ekspo Muafakat Kedah in Alor Star yesterday. With him is Kedah Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah (fourth from left). PIC BY AMRAN HAMID



in the manufacturing, agriculture and tourism industries, in the past decades.

"There are many new areas that we can explore, including agrotourism, adventurous tourism, culture and heritage tourism, as well as health tourism."

"Each district in Kedah has its own strength. For example, Kota Setar is the culture and heritage city, Kubang Pasu is the knowledge valley, while Baling and Padang Terap are known as the cluster of nature."

Bashah said "Muafakat" had been a dominant spirit in the state for centuries and the spirit of collectiveness was practised

among padi farmers and had helped the state remain as the country's rice bowl. Kedah produces 37 per cent of the country's rice.

"We will fulfil the people's aspirations, listen to the community's plight and, at the same time, implement development agendas for the people."

Among the exhibition clusters were Pameran DIRaja, BARAKAH Kedah, Suara Hati, Generasi Muda Pemimpin Negara, Kedah Harmoni, Eko Kedah, Kedah Islami, Bakat Kedah, Kedah Aman, Rangkaian Kedah, Kedah Berdaya Huni, Digital Kedah, Kedah Holistik, Keunggulan, Agro Kedah, KedahBizz, Warisan dan Pelancongan, Pameran Perkhidmatan, Pameran Daerah and a petting zoo.

National astronaut Datuk Dr

Sheikh Muszaphar Sheikh Mustapha and entrepreneurs, as well as celebrities, such as Fattah Amin, Fizo Omar, Rozita Che Wan and Janna Nick, will make appearances.

The exposition will have outdoor games and activities, including a *Malaysia Book of Records* attempt for a barber battle and archery competition.

Visitors stand a chance to win a house and 100 exciting prizes, including a Perodua Myvi and motorcycles, in lucky draws.

Ekspo Muafakat Kedah is held at the Darul Aman Stadium compounds and is open from 10am to 10pm daily.

The exposition will have food trucks featuring Kedah's best street foods to help entrepreneurs promote their products and services.